

03/09/1997

Dewan Niaga Cina sokong PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Dewan Perdagangan dan Industri Cina Bersekutu Malaysia memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan kerajaan dalam menangani serangan luar terhadap pasaran saham serta matawang negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keputusan itu dicapai dalam satu mesyuarat tergepar tertutup antara beliau dan tokoh perniagaan Cina malam Ahad lalu.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata beliau akan menyampaikan beberapa cadangan yang turut dikemukakan pada mesyuarat itu kepada Kabinet esok.

"Mereka menyokong Perdana Menteri seratus peratus dalam perang terhadap manipulator jahat yang cuba memusnahkan ekonomi negara yang dibina selama 40 tahun.

"Semua pihak perlu bersama menghadapi serangan terhadap ekonomi negara dan mesti yakin dan tenang dalam usaha memulihkannya semula," katanya kepada pemberita di kementeriannya hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai mesyuarat itu dan saranan ahli mesyuarat supaya kerajaan mengumumkan dan menghukum pihak tempatan yang membantu spekulator jahat asing.

Antara tokoh perniagaan Cina yang menghadiri mesyuarat itu ialah Pengerusi Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan, dan Presiden Public Bank, Tan Sri Teh Hong Piow.

Dr Ling berkata, beliau yakin ekonomi negara akan pulih kerana fundamental ekonomi dan syarikat tempatan adalah kukuh dan banyak syarikat tempatan yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatat keuntungan yang besar.

(END)